

BERITA HARIAN, KHAMIS, 29 OKTOBER, 1981

Matlamat DEB: Ikrar kabinet Dr. Mahathir

KUALA LUMPUR, Rabu — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam memberi jaminan, Kerajaan pimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad akan memastikan matlamat Dasar Ekonomi Baru menjadi kenyataan menjelang 1990.

Katanya, Kerajaan tidak akan merombak dasar-dasar yang telah termaktub, sebaliknya akan terus berazam melaksanakan dasar-dasar tersebut di samping memperkemas lagi pelaksanaannya.

Beliau berucap di majlis makan malam sempena ulangtahun keenam Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu cawangan Wilayah Persekutuan di sini, malam tadi.

Datuk Musa berkata, dalam menjayakan hasrat Dasar Ekonomi Baru beberapa cabaran terpaksa ditempuhi, termasuk mewujudkan bilangan Bumiputera yang cukup dan yang bersedia mengubah tradisi hidup mereka.

Bukan diskriminasi

Selain dari itu ialah menimbulkan kesedaran di kalangan Bumiputera terutama generasi muda bahawa Dasar Ekonomi Baru bukan satu diskriminasi tetapi untuk menyediakan satu suasana yang akan memupuk keharmonian di antara rakyat berbilang keturunan di negara ini, serta mewujudkan perkembangan pelbagai ekonomi untuk membolehkan Kerajaan mengagih kekayaan negara secara adil.

Datuk Musa berkata, Dasar Ekonomi Baru yang berusia 11 tahun kini beransur-ansur berjaya mewujudkan segolongan Bumiputera yang bersedia menukar tradisi hidup lama.

Golongan itu sekarang sedang meneroka berbagai bidang kehidupan yang agak asing kepada datuk nenek mereka.

Datuk Musa menambah, usaha meneroka yang baru bukan perkara mudah kerana akan timbul kelemahan

disebabkan kekurangan pengalaman dan pengetahuan di bidang yang diterokai.

Bagaimanapun, katanya, kelemahan serupa itu tidak harus dibiarkan berterusan.

Datuk Musa menggesa peniaga-peniaga Bumiputera mengambil daya-usaha mengenalpasti perusahaan berpotensi kerana hasrat Kerajaan melihat lebih banyak perusahaan kecil dan sederhana di negara ini.

Katanya, Kerajaan juga sedang mencari-cari jenis perusahaan tersebut untuk membantu menambatkan pendapatan rakyat.

Peluang-peluang tersebut juga dibuka kepada peniaga dan pengusaha Bumiputera.

Pinjaman modal

Bellau berharap, Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Malaysia menganjurkan atau membantu anggotanya yang berminat membuat kunjungan ke seberang laut seperti Jepun dan Jerman Barat bagi meninjau perusahaan tertentu, selain daripada mencari peluang-peluang dalam negeri.

Katanya, jika didapati sesuai dilaksanakan, Kerajaan bersedia memberi pinjaman modal melalui Bank Pembangunan.

Tambahnya, bagi perusahaan-perusahaan kecil, pinjaman modal boleh meningkat sehingga \$250,000 manakala bagi projek sederhana, pinjaman modal yang sanggup diberi oleh Kerajaan ialah \$1 juta.

Beliau berkata, unsur yang ditekankan di bidang itu ialah penanaman modal kecil tetapi pulangannya cepat.

Mengenai penyertaan Bumiputera dalam perusahaan besar, Datuk Musa berkata, Jabatan Perdana Menteri sedia mengatur perjumpaan melalui Dewan itu bagi menghuraikan maklumat-maklumat lanjut bagaimana Kerajaan boleh membantu ahli Dewan.